

# D-ZINE

RUN BY STUDENTS

FOR STUDENTS



Multitasking  
is BAD?

*Rahsia  
Kulit Mulus*

**GIRLS'  
WEEKEND**

**JANGAN MALU  
Baca Al-Quran**

**KUNCI  
GUGAT NYAWA**

**6 TIP  
BAKAR KALORI!**

**HOBİ JANA  
PENDAPATAN**

Hakcipta @  
Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia  
UiTM Selangor Kampus Puncak Alam  
Cetakan Pertama Disember 2017

Diterbitkan oleh:  
Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia,  
Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Selangor,  
42300 Bandar Puncak Alam,  
Selangor Darul Ehsan

WARTAWAN KANAN  
Nur Illiya Fatini Binti Mohd Ikram

BARISAN WARTAWAN  
Nursyafiqah Nadzirah Binti Ibrahim  
Ili Nadrah Binti Salleh  
Nur Qistina Binti Mohamad Johari  
Nur Fazliana Binti Abu Hassan  
Aimi Shahira Binti Suhaili  
Nurul Fatihah Binti Hairpuddin  
Norfatimah Hartini Binti Abdullah  
Nur Izzati Binti Turiman

PENAFIAN  
Artikel ditulis adalah pandangan penulis dan  
tidak mewakili UiTM



PENASIHAT  
DR. AMIRUL AFIF MUHAMAT



EDITOR  
FATIN SURYANA BINTI SUMAIRI



TIMBALAN EDITOR  
NUR AKMARINA NAJIHA BINTI ROSLAN



SETIAUSAHA KORPORAT  
NURUL FATIHAH BINTI MOHD NOH



PEREKA GRAFIK  
NUR SHAFIQAH BINTI MOHD ISMAIL

SIDANG EDITOR

# **KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PREFACE REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR	1
PREFACE TIMBALAN REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR	2
SEKAPUR SIREH PENGURUS ASRAMA KANAN	3
PRAKATA PENASIHAT D-ZINE	4
KATA-KATA ALUAN YANG DI-PERTUA KOLEJ DAHLIA	5
CARTA ORGANISASI UNIT PENGURUSAN ASRAMA	6
STAF RESIDEN KOLEJ DAHLIA (SRK)	7
JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DAHLIA (JPK)	8
AL-QURAN JANTUNG HATIKU	9
THE LESS YOU SWITCH, THE BETTER YOU DO	11
INFO SIHAT	13
RAHSIA KULIT MULUS	14
THE WEEKEND	16
TUTORIAL MAKE UP	21
TUTORIAL SELENDANG CHIFFON	22
ENGLISHISM	23
HOBI JANA PENDAPATAN	25
KUNCI BAWA PADAH	28
KONGSI RESEPI	30
SELERA BAWA PADAH	31
DIARI DAHLIA	33
DIREKTORI	37

# *Preface*

Rektor UiTM Cawangan Selangor

Prof Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu,

I would like to take this opportunity to congratulate the Representative Committee of Dahlia College (JPK) for having successfully published its first edition of the digital magazine, D-Zine. I am happy to note that Dahlia College has pioneered this effort of producing a digital magazine at UiTM Selangor (UCS). Congratulations, D-Zine Editorial Board members for ensuring that the magazine is of good quality. I'm sure this will benefit students and readers tremendously.

This magazine is a documentation and records of all activities organised by students, under the initiative of JPK. The success of programmes run by students is a testament of their capability in managing events and activities. It is also proof of students' active engagement with the community around UCS. Another purpose of D-Zine is to allow students and JPK to communicate more effectively.

In addition, D-Zine is a platform for students to explore their leadership skills and talents in managing a publishing outfit, and penning creative articles to attract readers. It is hoped students will be inspired by the articles.

Lastly, I wish D-Zine would be sustainable and become one of the symbols of unity of residents of Dahlia College. It is also encouraging to see a digital magazine made and produced by the students themselves for the good of their fellow colleagues, keeping true to its motto: 'Run by students, For students'.

**"Kolej Dahlia, Kolej Anggun & Santun"**

# *Preface*

Timbalan Rektor  
UiTM Cawangan Selangor

Dr. Hamzah Fansuri Hassan



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu,

I would like to congratulate the Dahlia's College Representative Council and its D-Zine Editorial Board for the publication of this first digital magazine. The publication of this magazine is very important as it endeavors to documents events that happened, informing of future events and deployment of crucial information or regulations as well. In doing so, the magazine will not only broadcasts the whole sphere of joy and challenges of college life but also serves as a mean of communication and social bond that tie together the citizens of Dahlia. It is my fervent hope that this magazine will be a permanent feature that continues to enrich the life of Dahlians.

**"Kolej Dahlia, Kolej Anggun & Santun"**

# *Setiapur Sireh*

Pengurus Asrama Kanan

En. Kamarul Ariffin Zolkarnain Bin Yahaya



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam edisi yang pertama ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia kerana buat pertama kalinya Kolej Dahlia mempunyai majalahnya tersendiri iaitu sebuah majalah elektronik yang dikenali sebagai D-Zine.

Dengan kemunculan majalah ini, penghuni Kolej Dahlia akan mendapat maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di Kolej Dahlia. Disamping itu, majalah ini juga boleh dijadikan sebagai medium untuk saling ingat memperingati kepada penghuni-penghuni kolej mengenai adab sopan sebagai seorang mahasiswa di Pusat Pengajian Tinggi khususnya di UiTM yang majoritinya berbangsa Melayu dan Bumiputra.

Harapan saya, semoga majalah ini akan dapat menarik minat para pelajar dengan bahan-bahan yang akan memberi manfaat kepada semua terutamanya mahasiswa di Kolej Dahlia.

Tahniah sekali lagi.

Sekian, Terima Kasih.

**“Kolej Dahlia, Kolej Anggun & Santun”**

# Prakata

## Penasihat D-Zine

Dr. Amirul Afif Muhamat



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah di atas rahmatNya, D-Zine dapat diterbitkan dan dilancarkan buat pertama kalinya. Ini merupakan satu lagi sejarah terindah untuk Kolej Dahlia yang baru berusia 2 tahun. Semestinya juga, penerbitan D-Zine ini bukan sesuatu yang mudah tetapi melibatkan kerjasama dan sokongan pelbagai pihak terutamanya daripada Rektor, Yang Berusaha Prof Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed dan Timbalan Rektor (HEP) UiTM Selangor Kampus Puncak Alam, pihak pengurusan Kolej Dahlia, barisan Staf Residen Kolej Dahlia dan juga Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia. Semestinya, penghargaan istimewa harus diberikan kepada mereka yang bekerja di belakang tabir sebagai tulang belakang penerbitan D-Zine iaitu sidang redaksi D-Zine itu sendiri. Mereka telah berkerja keras dan bersikap kreatif serta inovatif sepanjang proses penerbitan D-Zine iaitu bermula daripada penulisan dan pemilihan artikel, menemuramah responden, mereka membentuk majalah dan seterusnya menerbitkan dan melancarkan D-Zine. Syabas diucapkan kepada mereka!

D-Zine ini dilancarkan sebagai satu wadah interaksi untuk pelajar yang menetap di kolej kediaman seperti Kolej Dahlia bagi menzahirkan kemahiran penulisan kreatif mereka di dalam satu platform yang istimewa iaitu majalah ini sendiri. Melihat hasil tulisan sendiri diterbitkan dalam majalah semestinya satu pengalaman yang mengujakan. Selain itu, D-Zine juga bertujuan sebagai diari kolej yang melaporkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia sepanjang semester ini. D-Zine juga sentiasa berusaha untuk menerbitkan isu-isu terkini yang melibatkan para pelajar di Kolej Dahlia dan UiTM amnya.

Sesungguhnya, D-Zine ini adalah majalah kelolaan pelajar yang beraspirasikan daripada moto D-Zine itu sendiri, *"run by students ,for students"*.

Sekian, terima kasih.

**"Kolej Dahlia, Kolej Anggun & Santun"**

# *Kata-kata Auan*

## Yang Di-Pertua Kolej Dahlia

Sesi 2017-2018

Nurul Syahira Binti Junaidi



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Praise to the Almighty Lord for the production of the D-ZINE. First and foremost, I would like to congratulate the D-ZINE's editorial board for doing a wonderful and great job in preparations to introduce the new e-magazine to represent Kolej Dahlia, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam. As the pioneer generations of D-ZINE, I hope this medium can be the bridge to communicate among the college student through the world's changes.

As the Yang Di-Pertua of Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia, I would like to extend my gratitude for the opportunity to be part of the Herculean task and grateful to be granted with this rare learning opportunity. I hope with this opportunity, my team and I can create the most memorable memories through years that can represent a great image of Kolej Dahlia to provide the beneficial programmers for the student in order to build up a stronger bonding among the students.

I hope with the introduction of D-ZINE, student can improve many skills such as leadership, entrepreneurship, journalism and many more. This could be the platform for the student to be part of the things that they enjoy and happy as doing great in their academic performance. A future legacy should understand the important of knowledge in persuading their future with the responsibility to lead the world for the future.

With that, I encourage each of the students to continue this legacy in order to participate in this great effort. Your contribution makes all the difference. As what being said by Jillian Michaels, 'It's not about perfect, it's about effort'.

**“Kolej Dahlia, Kolej Anggun & Santun”**

# CARTA ORGANISASI

## UNIT PENGURUSAN KOLEJ DAHLIA



**DR. HAMZAH FANSURI B. HASSAN**  
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR



**KAMARUL ARIFFIN ZOLKARNAIN B. YAHAYA**  
PENGURUS ASRAMA KANAN



**KHAIRI SHAH KAMAL KUMAR**  
PENOLONG PENGURUS ASRAMA



**SURaida BT. SALEH**  
PENYELIA ASRAMA KANAN



**AHMAD NAZAR B. MOHD YUSOF**  
PEMBANTU OPERASI



**AZHARUL B. MUHAMAD JOHORI**  
PEMBANTU OPERASI

# STAF RESIDEN KOLEJ (SRK)

## KOLEJ DAHLIA



**EN. MOHD IQBAL  
ABDULLAH**  
NO. RUMAH : D1003  
012-4969771



**PN. HAIRENANORASHIKIN  
BINTI SHARIP**  
NO. RUMAH : D1002  
013-9740355



**PN. FATIMAH BINTI SHAM**  
NO. RUMAH : D1004  
016-3612630



**EN. KHAIRI SHAH KAMAL  
KUMAR**  
NO. RUMAH : D2001  
013-2966815



**USTAZAH KHAIRIA BINTI  
ISMAIL**  
NO. RUMAH : D2003  
0136836161



**PN. RAJA NOR AMINAH  
BINTI RAJA AYOB**  
NO. RUMAH : D2004  
016-2782703



**EN. MOHAMMAD HISHAM  
BIN ALIAS**  
NO. RUMAH : D3001  
012-3330325



**DR. HAIRULNIZAM BIN  
HASHIM**  
NO. RUMAH : D3002  
0193322963



**PN. ZAITON BINTI DAUD**  
NO. RUMAH : D3003  
012-6851452



**PN. ALINA SHUHaida BT  
MOHAMMAD RAMLY**  
NO. RUMAH : D3004  
017-3912977



**PN. HARYATI BINTI  
IBRAHIM**  
NO. RUMAH : D4001  
013-3466491




**DR. AMIRUL AFIF  
MUHAMAT**  
NO. RUMAH : D4002  
013-2079600



**TN. HJ. BAHMAN BIN  
JAMALUDDIN**  
NO. RUMAH : D4004  
019-6937686

# JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ

## KOLEJ DAHLIA SESI 2017/2018




# “Al-Quran Jantung Hatiku”



**SITI MUNIRAH BINTI OMAR**  
**JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ**  
**EXCO KAUNSELING DAN KEROHANIAN**

**Al-Quran** bererti kalam Allah yang bermukjizat yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui perantaraan malaikat Jibril A.S. dalam Bahasa Arab, yang ditulis dalam beberapa mashaf bermula dari surah Al-Fatihah dan berakhir dengan surah An-Nas dan diriwayatkan secara mutawatir serta membacanya adalah satu ibadah .



Al- Quran juga dikenali dengan nama-nama lain iaitu Al-Kitab, Al-Furqan(membezakan antara kebenaran dan kebatilan), Al- Zikru (perigatan) dan Al-Tanzil(yang diturunkan). Selain itu, Al-Quran juga dinamakan Kitab Suci kerana ia terpelihara daripada segala kesalahan dan penyelewengan. Masyaallah betapa besarnya mukjizat yang Allah turunkan pada umat Islam di dunia ini. Sampai sekarang ada percubaan daripada anasir jahat yang cuba untuk mengubah kalam suci Al-Quran, akan tetapi Allah menunjukkan kekuasaan dan keagungan-Nya

Tahukan kawan-kawan, sumber panduan utama umat Islam ialah Kitab Al-Quran dan sunnah rasullulah. Menurut riwayat Al-Maliki, daripada Abu Hurairah R.A., daripada Nabi Muhammad S.A.W., baginda bersabda : “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya, iaitu: kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah rasullulah S.A.W.” Maka dengan hadis tersebut, telah terbuktikan bahawa agama Islam amat berpegang teguh kepada panduan dari Al-Quran dan sunnah Rasullulah.

**Saudara dan saudari seislam sekalian, sebab-sebab kenapa kita perlu berpegang dengan Al-Quran dan As-Sunnah adalah disebabkan**

- ♦ Al-Quran dan As-Sunnah menjadi panduan utama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan.
- ♦ Mengelakkan perselisihan pendapat dan perpecahan dikalangan umat Islam.
- ♦ Ajaran yang terkandung didalam kedua-duanya adalah benar dan tidak diragui.
- ♦ Kandungannya sesuai diamalkan sepanjang masa.
- ♦ Mendapat taufik dan hidayah Allah

“Harapan kita sangat besar kerana kita mahu golongan muslimah khususnya pelajar kolej Dahlia tidak malu untuk membaca Al-Quran”

Oleh sebab itu, Kolej Dahlia telah mengadakan aktiviti yang mendekatkan diri pelajar kepada Allah S.W.T menerusi kuliah maghrib serta kelas-kelas pengajian ilmu agama. Objektif pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk membimbing para pelajar kolej Dahlia untuk lebih mengenal Allah disamping memperbaiki diri sebelum tibanya hari kiamat.

### Aktiviti Perbincangan ilmu

Pada setiap hari Selasa, pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej bersama-sama dengan Rakan



Surau kolej Dahlia telah menjayakan program Majlis Al- Huda yang bertempat di gelanggang futsal Kolej Dahlia.

Keadaan yang tenang dan nyaman itu telah menarik minat ramai pelajar untuk menyertai program tersebut. Di dalam program tersebut, telah dibahagikan topik yang akan disampaikan dan dibincangkan oleh Ustazah Khairia Binti Ismail (Staff Residen Kolej Dahlia)



Sikap mudah mesra dan baik hati Ustazah Khairia juga memudahkan para pelajar untuk bertanya dan menyatakan pendapat masing-masing. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah mengenai ilmu tajwid, tadarus Al-Quran, akidah, akhlak, feqah, sirah dan fiqh wanita.



Dalam perkongsian ilmu tajwid, pembetulan semula maghraj huruf hijai'yah telah dijalankan. Hal ini demikian kerana tersalah sebutan huruf dalam ayat Al-Quran akan menyebabkan kesalahan maksud perkataan dalam Al-Quran. Inilah yang cuba dielakkan dan diperbetulkan dalam kalangan para pelajar sekalian.

Tidak ketinggalan juga program Bacaan Yaasin yang diadakan di surau kolej Dahlia. Objektif utama program ini adalah untuk membudayakan amalan bacaan Yaasin pada setiap malam jumaat. Hal ini demikian kerana, surah Yaasin merupakan jantung Al-Quran dan membaca serta mengamalkannya ada satu perkara yang amat digalakkan oleh para ulama Islam.

Akhir kata, saya berharap program-program yang dijalankan pada semester ini dapat memberikan banyak ilmu dan tunjuk ajar yang berguna untuk para pelajar sekalian. Moga apa yang telah dikongsikan akan dipraktikkan dan disampaikan kepada pelajar yang lain. Kaya ilmu dunia, tak semestinya selamat di akhirat manakala kaya ilmu akhirat sudah semestinya selamat di akhirat. Akan tetapi, Ilmu keduniaan juga penting untuk kesejahteraan hidup didunia.

# “THE LESS YOU SWITCH, THE BETTER YOU DO”



When people do two things at once, are they being more efficient or wasting time? Is multi-tasking worth it?

Doing more than one thing at a same time can reduce productivity and lower our work quality. Every time we multitask, it takes our brain less time to refocus. One of the most outspoken opponents of multitasking is Dr. Clifford Nass, a professor at Stanford University in the States. “We’ve done a number of studies that prove people who multitask frequently show cognitive deficits,” Dr. Nass explains. “They’re less able to filter out irrelevant information, they’re less able to pay attention, they’re worse at managing their memory.”

There are some things we can do at the same time. We can talk and walk at the same time, or having dinner while watching television. This is because each of these tasks requires a different type of brain activity. So, reading while listening to instrumental music is fine, but the ability to concentrate on words we are reading are less focused on because both actions are reliant on the part of the brain that interprets language. As neuroscientist, Dr. Rene Marois, the director of the Human Information Processing Laboratory at Vanderbilt University in Nashville, US, says : “Despite having these incredibly complex and sophisticated brains, with 100 million neurons processing information at rates of up to a thousand times a second, human being have a crippling inability to do two [incompatible] tasks at once.”

“Multitasking is really task-switching”, says Guy Winch. PhD, author of *Emotional First Aid: Practical Strategies for Treating Failure, Rejection, Guilt and Other Everyday Psychological Injuries*. “When it comes to attention and productivity, our brain has a finite amount,” he says. Contrary to the popular belief, multitasking does not save time but in fact, will probably take a longer time to finish compared to when the tasks are done separately. Meanwhile, following the belief that multitasking saves time, we always attempt to do two or more chores at once. For instead, ironing clothes while catching up with friends on the speakerphone and watching the news. Also, sending an email during the meeting and talking on the phone while watching television.

**F** - Follow

**O** - One

**C** - Course

**U** - Until

**S** - Successful



## Does Multitasking Affect our Emotion?

Psychologist Dr. Sherry Turkle, a professor from Massachusetts Institute of Technology and author of *Alone Together: Why We Expect More Than Technology and Less from Each Other*, endorses this view. “In some situations, the loss that we get from multitasking is harmless; part of doing business in the digital world,” Dr. Turkle says. “But you can’t do serious work this way. For every task you add to your multitasking, your efficiency degrades. So for serious tasks – writing, thinking, and solving an important problem – the multitasking hurts us. You do worse even as you think you are doing better.” And for Dr. Nass, the problems of multitasking extend beyond the brain. He believes it will lead to humanity becoming emotionally stunted. “Human emotions play out through things like face and voice,” he says. “If people aren’t paying attention [because they are multitasking] they’ll miss a number of emotions cues. Frequent multitasking is not good for our social and emotional health as it is worrying especially young people”, Dr. Nass adds.

According to a study by Dr. Zheng Wang, assistant professor of communication at Ohio State University US, people like how they feel when they embark on multiple jobs at the same time. But she agrees with Dr. Turkle, saying “They are not being more productive – they just feel more emotionally satisfied.” Other than that, technology advanced with multitasking has turned us into adrenaline junkies, says Todd Oppenheimer, author of *The Flicking Mind*. He says we have a level of restlessness that’s incompatible with doing things that take “contemplation and patience.” People think it’s more important to get a lot done than to do one thing well. Oppenheimer also says he fears that we may end up losing great thinkers of the next generation.



Dr. Grant, an expert in work and organizational studies, advises “Sit down and think carefully about timeframes and what resources you have available.” He also gives tips on how to refuse if we’re asked to take too many jobs. “That’s easier said than done, but there are ways that you can be more assertive in the workplace. And there’s also a responsibility on the part of organizations to think about how they allocate tasks.” That means we have to know how to approach a task before we begin it. We might be feeling like we’re accomplishing a lot but we’re actually not allowing our brain to organize our thoughts and the technology is not helping either.

Basically, there is a small thing that we can do to avoid multitasking. For instance, do not look at phone in the morning. It might not seem like looking to the phone in the morning when you first wake up has anything to do with multitasking but it is actually a huge productivity killer. That means it will disturb us emotionally and slow down our time to get ready to go work. At least wait for 60 minutes before we jump right into an active state on mind. Afterwards, before getting ready to do work try to list out the priority of the most important tasks to be done by that day and work on systematically and efficiently. By doing this way our work will be completed more thoroughly with additional focus and attention as well as improving productivity in work.

WRITTEN BY:

NUR NAJWA ATHIRAH BINTI AB RAHMAN



Sumber : <https://www.fyldecoastrunners.com/blackpool-beach-10k.html>

## BAKAR KALORI DENGAN 6 TIP INI!

*Berlari di atas pasir*

**TIP 1:** Tahukah anda dengan berlari di pantai mampu membakar kalori sebanyak 28 peratus lebih banyak daripada berlari di atas permukaan rata? Hai ini disebabkan

**TIP 2:** Berjalan atau berlari di atas pasir dapat mengelakkan kecederaan pada sendi di pergelangan kaki, lutut dan semua sendi yang menyokong badan ketika berjalan atau berlari.

**TIP 3:** Tahukah anda dengan berlari di atas pasir juga dapat membuat otot kaki menjadi lebih kuat? Ini adalah salah satu yang terbaik untuk menguatkan kaki anda. Pemilihan kasut juga sangat penting. Pastikan anda memilih kasut yang sesuai!

**TIP 4:** Penyakit kardiovaskular dapat dicegah dalam jangka masa panjang kerana berlari di atas pasir baik untuk menguatkan otot-otot jantung.

**TIP 5:** Sinaran matahari baik untuk tubuh badan. Oleh sebab itu, berlari di kawasan terbuka seperti pantai dapat memberikan anda lebih banyak oksigen berbanding di tempat yang tertutup.

**TIP 6:** Akhir sekali, anda dapat meningkatkan kepantasan anda berlari di atas pasir sekali gus dapat meningkatkan kebolehan anda dalam bidang kesukanan.


### KATA-KATA PUJANGGA

“Aku lebih menghargai orang yang beradab, daripada orang yang berilmu. Kalau hanya berilmu, iblis pun lebih tinggi ilmunya daripada manusia”

- Syed Abdul Qadir Al-Jailani-

# Rahsia Kulit Mulus

Bagaimana untuk mengelakkan daripada muka kelihatan seperti cepat tua? Mari kita berkongsi tip – tip penting agar kulit sentiasa segar, licin dan anjal.



Nadia Sakinah binti Mohd Shukri

0172815148

Mary Kay beauty consultant

## 1 LINDUNGI KULIT DARIPADA CAHAYA

### MATAHARI SETIAP HARI

Tidak kisah lah keluar bersiar-siar di tepi pantai atau hanya keluar ke pasar membeli barang, perlindungan matahari sangat penting. Anda boleh melindungi kulit anda dengan payung, pakaian dan yang paling mudah, krim *sunscreen*. Sapukan di semua kulit yang terdedah terutamanya muka. Setiap kali kulit kita terbakar, kita mempercepatkan proses penuaan kulit.

## 2 JIKA MEROKOK, BERHENTI

Merokok mempercepatkan penuaan kulit. Ia menyebabkan kulit berkedut, dan kusam.

## 3 ELAK PENGULANGAN EKSPRESI

**MUKA.** Apabila kita membuat ekspresi muka, kita menggunakan otot di bawah kulit. Apabila kita terlalu kerap contract otot yang sama saban tahun, garisan-garisan ekspresi ini menjadi kekal. Satu cara mengurangkan kedutan kerana mengerutkan dahi ketika mata kita fokus, pakai lah *sunglasses*.

## 4 MAKAN MAKANAN SIHAT, DIET SEIMBANG.

Penemuan beberapa kajian mencadangkan pengambilan banyak buah dan sayur segar boleh menghalang kerosakan kulit yang menyebabkan penuaan awal. Diet yang mengandungi banyak gula dan *refined carbohydrates* juga mempercepatkan penuaan.

## 5 BERSENAM SETIAP MINGGU.

Senaman ringan dapat meningkatkan kitaran badan serta menguatkan sistem imuniti. Lalu ia akan membuatkan kulit kita tampak lebih remaja.

## 6 CUCI MUKA DENGAN LEMBUT.

Mencuci muka dengan kasar atau kuat boleh menyebabkan iritasi pada kulit dan mempercepatkan kulit menua. Basuhan lembut dapat menyingkirkan kotoran, pencemaran, *makeup*, dan sebagainya tanpa merosakkan kulit anda.

## 7 CUCI MUKA DUA KALI SEHARI.

Peluh terutamanya apabila memakai topi atau tudung, akan menyebabkan iritasi pada bahagian terkena kulit. Maka jika anda berpeluh dengan banyak, cuci kulit anda. Sebab tu jerawat selalu naik di kawasan pinggir muka yang dilapik tudung.



## 8. SAPU MOISTURIZER SETIAP HARI.

Moisturizer memerangkap air di dalam kulit kita, membuatkan kulit tampak lebih segar dan muda.

## 9. BERHENTI PAKAI PRODUK SKIN CARE YANG MEMBUATKAN KULIT RASA PEDIH ATAU TERBAKAR.

Apabila anda berasa pedih atau terbakar, ini bermaksud kulit anda teriritasi dengan produk itu. Sebarang iritasi pada kulit akan membuatkan kulit nampak lebih tua. Sekarang anda faham tidak kepentingan menjaga muka? Apabila anda merasakan bahawa kulit anda tidak bermasalah langsung dan cukuplah pencuci muka sahaja sebagai langkah penjagaan muka, sila fikirkan semula. Jika penjagaan muka tidak betul, kesannya mungkin tidak nampak sekarang, tetapi dua tahun lagi atau sepuluh tahun lagi. Bila kulit sudah mula berkedut, jangan lah pada masa itu baru kita mula menjaga muka secara sempurna.



Pada 17 - 19 November yang lepas, diadakan satu program yang diberi nama 'The Weekend' dibawah kelolaan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Dahlia, UiTM Puncak Alam cawangan Selangor. Melalui program ini, pelajar dapat melibatkan diri serta bersosialisasi bersama-sama rakan dan ahli Kolej Dahlia ini sendiri.

Pihak JPK Dahlia bersama-sama merancang aktiviti yang bertemakan persahabatan serta kenangan sewaktu kecil memberi pelajar-pelajar ruang untuk bersantai sambil beriakreasi. Nah, hal ini selaras bersama-sama objektif program untuk memberi kesempatan kepada para pelajar untuk menjadi sebahagian daripada komuniti dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kolej.

Penglibatan secara beramai-ramai dikalangan pelajar Kolej Dahlia membuktikan bahawa komuniti yang berkerjasama dapat menghadirkan satu simbolasi kesantunan dan keanggunan - #AnggunDanSantun yang turut menjadi aspirasi yang akan dipupuk dan ditanam dalam setiap diri para pelajar yang tinggal di kolej ini. Anggaran kasar akan kehadiran adalah seramai 3,000 orang pelajar.

Pelbagai aktiviti yang dianjurkan di bawah program ini. Melalui dua tema penting ini, pihak JPK juga menyasarkan para pelajar untuk membina ukhuwah serta hubungan silaturrahim yang seharusnya menjadi tunjang hubungan sesama komuniti Dahlia.

## PERSAHABATAN



Antara aktiviti yang dijalankan adalah 'GLOW RUN', 'FAT2FIT' yang diterajui oleh krew Zumba Dahlia, 'MINI GAMES', 'SKIN MERCY-GIVE IT A BREAK' bengkel kecil yang disampaikan oleh blogger terkenal - Iman Abdul Rahim, 'DELI DECO' - pertandingan menghias kek cawan serta 'WAKE UP & MAKE OVER BATTLE'.



Malam 18 haribulan diteruskan dengan kemeriahan 'WAKE UP & MAKE OVER BATTLE'. Pertandingan ini disertai oleh 106 orang kolej Dahlia yang berkat dalam bidang pesolekan dan peragaan. Pertandingan ini melibatkan 53 kumpulan secara purata. setiap kumpulan terdiri daripada seorang juru solek dan seorang model. pertandingan ini dijalankan di Kafe Kolej Dahlia sekitar Jam 8.30 hingga 11 malam. Jurusolek diberi masa 1 jam untuk menunjukkan bakat seni mereka. Setelah selesai model bagi setiap kumpulan akan memperagakan solekan dan pakaian mereka dan menggambarkan tema masing-masing. Markah diambil berdasarkan keyakinan ketika 'catwalk', sorakan penonton di 'runway', solekan kemas dan kontemporari serta mempersembahkan tema yg jelas. Pemenang bagi pertandingan ini diberi penghormatan melampiri muka hadapan majalah D-Zine.


Pertama: Dahlia 1, Nursofea Aini dan Nik Nur Husnina

Kedua: Dahlia 3, Nur Fathihah dan Nur Izaati

Ketiga: Dahlia 4, Nur Azraliyana dan Noor Hanisah



THE BEST THING TO  
HOLD ONTO IN LIFE  
IS EACH OTHER





J

I

G

S

A

W



### MENGIMBAU KENAGAN

Setiap individu pasti memiliki kenangan kanak-kanak yang berbeza mengikut tempat mereka dibesarkan, bagaimana seseorang itu membesar dan sebagainya. Kenangan ini adalah satu hadiah bagi setiap individu bagi mengingati perkara-perkara yang mereka lakukan sewaktu mereka kecil.

Dikesempatan itu lah, pihak JPK Dahlia mengolah idea bagi mengingati keseronokan yang dirasai oleh pelajar-pelajar. Aktiviti yang dilakukan dibawah program 'The Weekend: Childhood's Memories' mendapat sambutan yang positif walaupun dijalankan pada waktu cuti.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah 'KEBUDAYAAN MALAYSIA'S TALK' yang disampaikan oleh pensyarah dari UiTM Puncak Perdana, 'INDOOR GAMES' iaitu permainan tradisional orang melayu seperti Batu Seremban, Dam Haji serta 'OUTDOOR GAMES' iaitu permainan laman tradisional seperti Datu Harimau dan Galah Panjang.



### BONDING

Aktiviti ini juga dilakukan bertemakan 'Sehari Bersama JPK dan SRK' dimana JPK dan SRK blok serta ahli blok mewakili blok masing-masing dalam memupuk nilai 'Sense of belonging' dalam setiap pelajar-pelajar Dahlia dimana rasa seronok serta gembira menjadi sebahagian dari komuniti Dahlia ini sendiri.



### RESPON POSITIF

"TERIMA KASIH ADMIN!  
EVENT KALI NI MEMANG  
JAUH LEBIH MERIAH DARI  
SEBELUM NI. KIPIDAPP!!!  
@KITIESPURR, TWITTER.

Respon yang positif dari para pelajar amat memberangsangkan. Ini antara bukti bahawa program seperti ini dapat memberi keseronokan serta peluang para pelajar Dahlia untuk bersosialiasasi bersama komunitinya.

Peluang seperti ini menggalakan terbinanya ukhuwah persahabatan serta nilai-nilai murni yang dapat diterapkan dalam jiwa pelajar-pelajar Dahlia ke arah yang lebih baik dan cemerlang.

Di harapkan, aktiviti-aktiviti seperti ini diteruskan legasinya serta mendapat sambutan yang lebih baik bersama-sama penglibatan yang maksima dalam kalangan pelajar-pelajar Dahlia.



# DIARI THE WEEKEND



# MAKE UP TUTORIAL

## Simple & SWEET



1. Prepare the face with toner, moisturiser and primer (optional).
2. Put on foundation using a damp beauty blender.
3. Set the face with loose powder (especially if your skin is oily).
4. Contour your face to make your jawline and cheekbones look more constructed.
5. Add bronzer to both your temples to give some warmth tone on the face.
6. Use blusher on the cheeks to give some pink flush.
8. Put on highlighter on the cheekbones to enhance it.
9. Get your eyebrows done using a pencil liner or eyebrow pomade and a spoolie.
10. Apply a light colour on your eyelid as a base colour.
11. Darken the outer corner of the eye with dark colour and use a slightly lighter colour for the crease.
12. Add some light shimmering eyeshadow colour on the center of the lid and the inner corner of the eye.
13. Put on eyeliner and mascara.
14. Put on lipstick.
15. Set the face with a setting spray.




# Gaya Eksklusif

## SELENDANG CHIFFON



1. Pin dengan peniti di bahagian kedua-dua sisi muka.
2. Labuhkan sebelah kiri dan pendek sebelah kanan.
3. Bahagian yang panjang dibawa ke sebelah kanan melalui belakang.
4. Tanpa melepaskan pegangan bahagian tadi, terus bawa ke atas kepala.
5. Kemaskan lilitan dan pin di bahagian telinga kiri dan kanan.
6. Bahagian shawl di atas kepala dikemaskan dengan peniti.
7. Pin di bahagian kiri dan kanan bahu untuk kekemasan di bahagian hadapan




English is a shared, universal language used all over the world and this indirectly contributes to its status as one of the most important languages to know or best, master. Language is a way to communicate and unite those who use the language. However, Winston Churchill once observed that The United States and The United Kingdom have often been “divided by a common language”. This contradicts the real function of language.

Language is strongly influenced by the users’ cultural backgrounds. So are the way they see and understand the world. Sociologically, culture plays an important role in building the rapport which can be depicted by the way people choose their words. At the same time, the choice of words can powerfully influence how we see and interpret each other’s intentions. The idea of ‘a shared language dividing people’ comes from the realization that sometimes people think they are saying the same thing, while the fact is they are not. The differences that exist when we use the same language is what makes ‘language divide’ possible. This is obvious in the way language comes in and out of fashion. For example, young people use new slangs to define the generation they belong to, much to dismay of older people sometimes.

“The United States and The United Kingdom have often been ‘divided by a common language’ ”

# ENGLISHISM

**Wan Syakirah Rosly**



*Figure 1 Winston Churchill*

Let’s take a ride in a time machine. America was colonised by the Britain who owned the English Language during that time. Due to cultural-language exchange, English language became America’s most used language gaining the official usage in federal government with 32 out of 50 states governments have given English an official status. Throughout the years, the language is developed with slangs like ‘swag’, ‘bail’, and lots, lots more which have become widely used in the US. When these words came to The UK, the people who cared about the usage of English pointed out each and every one of these ‘foreign’ words with a true sense of horror. The Brits were threatened considering themselves as the true ‘English’.

Ironically, Americans are facing the same struggle. The tide of imported words from the Britain seems to be in full flood today. Some of these words are transferred through books and movies. For instance, the popularity of 'Harry Potter' series influences the usage of slangs and words, this time originated from the UK. Words like 'muggle', 'queue', 'wicked', and 'blimey' fall under this category. On the other hand, social media and the rise of transnational communication through the internet play an important role in transmitting the slangs easier and quicker. Examples of words risen from this source are 'full stop' (replacing 'period'), 'but' (replacing 'parts') and words full of the sound of their own such as 'kerfuffle', 'gobsmacked', and 'malarkey'. The usage of these words have significant increase in 2010s based on the 'Google Book Ngram Viewer'.

However, there is no need for despair for this trend is part of a much more interesting picture. The way English language growing from time to time reflects the diversity of the world and how it is uniquely shared by each individual who practices the language. The 'borrowing words' that English had taken from other languages allows speakers to be able to relate to the language. For example, the word 'compound' is borrowed from Malay 'Kampung', 'Paddy' is taken from 'padi' and many more words which originated from other languages. The point is, English language is a language that invokes the feeling of belongingness among the users.

As old as the language itself, English has travelled all over the world spreading its essence and affecting humans in general. We are united by English. A little bit difference amongst us does not matter as long as we are able to respect each other. English belongs to people who speak it – not England.



# HOBİ

## JANA PENDAPATAN



Sering kita lihat pada harini masyarakat menjadikan hobi sumber pendapatan. Bermula dengan hobi suka bersolek kini *make-up* menjadi satu perniagaan yang memberikan keuntungan. Dapat kita lihat, masyarakat kini berlumba-lumba untuk terlihat cantik dan kerana itu jugalah servis *make-up* diperlukan oleh kebanyakan masyarakat. Bermulalah dari hobi kini menjadi sumber untuk menjana pendapatan.



Namun begitu, hobi terbahagi kepada dua iaitu hobi biasa dan hobi mewah. Hobi biasa adalah seperti hobi yang disebut diatas, manakala hobi mewah adalah hobi yang memerlukan modal yang besar tetapi juga memberi keuntungan yang besar dan lumayan. Sebagai contoh, wanita A minat berniaga dan menjadikan berniaga sebagai hobi. Namun, wanita A memerlukan modal untuk memulakan perniagaan dan dari hasil perniagaan, wanita A mampu meraih sumber pendapatan yang lumayan.

Ada juga hobi yang memerlukan belanja yang besar tetapi tidak memberi apa-apa keuntungan kepada orang yang melakukannya. Bagi mereka, hobi tersebut memberi kepuasan kepada diri mereka dan itu sudah memadai bagi mengisi masa lapang mereka. Mungkin ia hobi yang tidak rasional pada pandangan kita tetapi ia adalah sesuatu yang sangat rasional pada pandangan mereka.

“ Jika kita lihat, ada sesetengah manusia terlalu obses dengan hobi mereka. Sehingga mereka sanggup berhabis wang dan berbelanja besar demi hobi yang disukai. Hobi mengumpul barang-barang mewah seperti kereta mewah, beg tangan dan kasut mewah menelan belanja hingga jutaan ringgit. Namun sesetengah masyarakat sanggup mengeluarkan sebegitu banyak wang demi hobi yang mereka minati. Adakah ini satu pembaziran atau sebuah kepuasan? ”

Mungkin ia satu pembaziran pada pandangan kita tetapi ia satu kegembiraan dimata peminatnya. Tetapi pandangan setiap orang adalah berbeza dalam menilai segala sesuatu. Adakah ia memberikan kebaikan, keburukan atau tiak memberi apa-apa adalah diri seseorang itu yang menentukannya.

## HOBİ KE ARAH PERNIAGAAN

**Seseorang mampu menjadikan hobinya sebagai sebuah perniagaan. Jadi bagaimanakah caranya?** Sebelum itu seseorang perlu tahu bezanya hobi yang sekadar hobi dengan hobi yang boleh dijadikan perniagaan. Jika hobi yang sekadar hobi sahaja, seseorang itu hanya **m e m e n t i n g k a n** kepuasan dirinya dalam melakukan hobinya. Hobi yang boleh dijadikan perniagaan ialah apabila berusaha memenuhi permintaan pelanggan.



Terdapat sesetengah orang yang menjadikan hobinya sebagai sebuah perniagaan tapi tidak dapat dimajukan. Ini kerana disebabkan sikap diri sendiri yang **m e n g a n g g a p**



perniagaan hanya sebagai hobi dan tidak serius. Seseorang itu mungkin menjalankan perniagaan kerana kepuasan diri sendiri tetapi bukan kepuasan pelanggan. Sebagai contoh, seseorang yang pandai memasak mencuba membuka sebuah restoran di bandar. Namun begitu perniagaannya tidak bertahan lama kerana masakannya kurang memenuhi cita rasa pelanggan. Ini menyebabkan pelanggan makin sedikit datang ke restorannya.

Pada zaman sekarang kebanyakan remaja cuba untuk menjadikan hobinya sebagai perniagaan. Terutama pada zaman sekarang obsesi remaja terhadap kecantikan dan pemakaian mengikut trend terkini menjadi inspirasi orang sekeliling untuk membuka perniagaan pakaian, alatan solek dan sebagainya. Maka tidak hairanlah remaja pada zaman globalisasi kini berdaya saing dalam menghasilkan produk dan perniagaan jenamanya sendiri.

Bagi remaja yang ingin mencuba menjadikan hobinya sebagai perniagaan, terdapat beberapa tip di sini untuk anda. Kita perlu ingat hobi merupakan minat seseorang terhadap sesuatu. Jadi, anda perlu mengenal pasti sama ada hobi itu juga diminati oleh ramai orang lain. Hobi yang diminati oleh ramai orang akan mempunyai permintaan yang tinggi. Sebagai contoh perniagaan online seperti kosmetik dan pakaian mempunyai permintaan yang tinggi tidak kira perempuan mahupun lelaki.



Untuk mengenal pasti hobi itu mempunyai pasaran yang luas atau tidak dengan pergi ke kedai buku dan melihat majalah-majalah di ruangan hobi. Sekiranya ada majalah khusus untuk hobi tersebut bermaksud ia mempunyai pasaran yang besar. Di samping itu, perniagaan juga perlu mempunyai keunikan terutama pada zaman sekarang kuasa viral itu amat luas di media sosial. Perniagaan yang kita jalankan itu juga mestilah boleh dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat sekarang.



## PENDAPAT SEKELILING



" Saya gemar melancong ke negara orang kerana banyak pengalaman dan budaya baru yang saya belajar. Saya mendapat idea untuk menjalankan perniagaan insurans kenderaan hanya beroperasi di atas lori. Idea ini tercetus apabila saya melancong ke Negara Thailand dan saya mengalami kesukaran untuk mencari bank memandangkan wang ditangan tidak mencukupi untuk kegunaan di sana. Saya telah bertanya pada penduduk disitu dan saya amat terkejut apabila salah seorang dari penduduk itu memberitahu disini mempunyai mesin ATM yang beroperasi di atas lori bagi memudahkan orang ramai untuk mengambil wang dan tidak perlu ke bank. Dari situ saya terfikir bukan makanan sahaja mampu beroperasi di atas lori yang dikenali sebagai 'food truck' malah mesin ATM juga mampu beroperasi di atas lori. Kini, saya memiliki lebih 10 cawangan insurans kenderaan beroperasi hanya menggunakan lori. "

" Hobi yang menguntungkan itulah hobi saya. Dari kecil saya memang gemar akan barang kosmetik dan make-up itu menjadi permainan ketika kecil dahulu dan sudah tentu alat kosmetik ibu saya menjadi mangsa. Saya gemar membeli barang kosmetik sejak umur saya 13 tahun pantang nampak barang kosmetik di kedai - kedai mahupun di sosial media wajib untuk saya membelinya. Kini saya berjaya mempunyai kedai kosmetik sendiri dan sekarang saya telah memiliki sebuah rumah banglo dan sebuah kereta mewah hasil dari keuntungan kosmetik saya. Siapa sangka dari seorang yang suka shopping barang make-up kini menjadi usahawan kosmetik yang berjaya. "



" Saya memang berminat dalam berniaga. Banyak jenis perniagaan online yang telah saya cuba tetapi saya merasakan seperti ada sesuatu yang tidak kena. Jadi, saya mula untuk memikirkan perniagaan mengikut cita rasa saya sendiri termasuk juga memikirkan apa untuk dijual ?? Idea saya untuk meniaga kek batik tercetus apabila mencuba kek batik air tangan kakak saya yang sedap dan saya dapat merasakan ianya mempunyai potensi untuk diniagakan. Pada mulanya, kami memberi rakan sekelas saya menikmati kek tersebut dan Alhamdulillah banyak feedback positif yang saya terima. Jadi saya meneruskan dengan bermula untuk berniaga. Minggu ke minggu kek batik saya mendapat sambutan yang menggalakkan. Sejak itu, kami mula cuba memikirkan menu baru untuk mempelbagaikan lagi jualan kami, iaitu cheesekut oreo dan milo. Tanpa disangka-sangka Cheesekut juga mendapat permintaan yang agak memuaskan bahkan kadang2 melebihi permintaan kek batik biasa, oreo dan kacang. Setiap langkah yang dibuat semestinya akan terdapat halangan dan cabaran yang perlu saya lalui. Tapi atas dasar minat dan demi menambah pendapatan, kami tetap meneruskan perniagaan ini. "



" Saya sangat gemar akan roti planta tabur gula. Itulah sarapan saya hampir setiap hari tanpa rasa jemu. Saya menjual roti planta semasa saya menuntut ilmu di salah sebuah institusi pendidikan kerana saya ingin berkongsi minat saya terhadap roti planta dengan kawan-kawan selain dapat membantu kewangan saya ketika belajar. Kini hasil dari minat akan roti planta dan mempunyai pengalaman menjual roti planta semasa zaman belajar saya telah membuka bakeri dan bahan - bahan kek. Kini saya telah membuktikan bahawa minat akan sesuatu boleh membuahkan hasil yang lumayan jika kita memilih jalan yang betul. "



" Saya berminat berniaga sejak sekolah menengah lagi. Melihat kawan kawan menjual maggi di sekolah, minat ingin berniaga mulai pupuk dalam diri. Mendapat inspirasi dari kakak sulung saya yang juga mempunyai bisnes sendiri, saya mulai lebih aktif berniaga apabila saya mulai memasuki alam universiti. Di samping meneruskan minat, saya juga mempunyai pendapatan sendiri selain mendapat elaun dari ibu bapa. "



# KUNCI GUGAT NYAWA!



Tragedi Ogos 2014 seorang pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam, di sini, maut setelah terjatuh daripada tingkat empat asramanya gara-gara mahu mengambil kunci bilik tidurnya.

Mangsa, Mohd Ilyas Saifullah Md Azhari, 19, pelajar semester pertama dalam program Asasi Sains jatuh setinggi kira-kira 30 meter dan dipercayai meninggal dunia di tempat kejadian setelah mengalami kecederaan parah di bahagian muka.

Hasil keterangan seorang pelajar, mangsa mengambil tindakan sendiri dengan cuba memanjat beranda dari bilik sebelah untuk masuk ke biliknya. "Akibatnya, dia tergelincir sebelum jatuh ke bawah dan kami terus menghubungi polis bantuan universiti untuk melaporkan kejadian berkenaan," katanya.

Tragedi seperti ini seharusnya dapat dielakkan jika semua pelajar mengambil berat faktor keselamatan dan prosedur pengambilan kunci yang sebenar. Prosedur pengambilan kunci pada waktu bekerja adalah pelajar perlu terus menuntut kunci simpanan di pejabat kolej. Manakala pada luar waktu bekerja, pelajar hanya perlu menghubungi Staff Residen Kolej (SRK) bagi mendapatkan kunci pendua. Hal ini juga sudah menjadi rutin dan hampir setiap hari kes tertinggal atau hilang kunci bilik asrama makin mengikat. Proses sedemikian kelihatan seakan proses yang renyah. Namun pelajar kolej Dahlia berkongsi pengalaman manis mereka apabila tertinggal kunci bilik asrama pada luar waktu bekerja.

## KISAH KEHILANGAN KUNCI

Nur Aisyah Wahida, 21 menceritakan bahawa dia tertinggal kunci bilik gara-gara kelim kabut untuk ke kelas pada waktu pagi. Aisyah mula sedar kunci biliknya tertinggal di dalam bilik dan tidak dapat masuk ke bilik setelah pulang dari kelas pada petang itu. Dia juga tidak dapat masuk ke bilik kerana rakan sebiliknya tidak dapat pulang ke rumah atas sebab-sebab yang tertentu.



Dia juga berkata "tertinggal kunci ini sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana kita manusia biasa kadangkala terlupa apabila sudah kelam kabut jadi adalah lebih baik sekiranya SRK sentiasa dapat memegang kunci pendua agar lebih mudah urusan jika terdapat hal kecemasan. Dia memberi pesanan kepada pembaca khususnya pelajar sentiasa memastikan kunci bilik atau rumah ada bersama sebelum keluar rumah supaya tidak menyusahkan pihak lain di kemudian hari. Aisyah juga berterima kasih kepada SRK bertugas kerana sudi membantu menyelesaikan masalahnya.

## SIKAP MEMBANTU MENYELAMATKAN RAKAN

"Kunci bilik yang tertinggal itu sebenarnya bukan milik saya, tetapi rakan serumah saya." ujar Nur Haizun Shairah, 21 kepada pihak D-zine. Dia menceritakan dengan lebih lanjut kejadian itu berlaku sekitar jam 11.30 malam apabila rakan-rakan serumahnya yang duduk sebilik berbual-bual di luar rumah sambil membeli makanan dengan memakai baju



Angin yang kuat pada waktu itu menyebabkan pintu bilik mereka tiba-tiba tertutup dan terkunci. Setelah berlaku kejadian itu, mereka tidak tahu untuk menghubungi sesiapa kerana telefon bimbit mereka ada di dalam bilik. Jadi, mereka mengambil keputusan untuk meminjam telefon bimbit saya untuk menghubungi pihak SRK. kemudiannya mereka diminta turun, namun disebabkan pakaian mereka yang tidak sesuai, mereka meminta saya turun untuk mengambil kunci pendua itu. Sekiranya terdapat hal kecemasan, segera berhubung dengan SRK bertugas. Dia juga berterima kasih kepada SRK bertugas yang sanggup bantu mereka pada lewat malam. Jasamu di kenang!

### BERTINDAK RASIONAL DALAM TINDAKAN

Kisah ini terjadi apabila pemilik kunci, Nur Ain Rohaiza, 21 tertinggal kunci rumahnya bukan disebabkan diri atau rakan sebilikinya, tetapi rakan mereka yang berkunjung ke biliknya. Hal ini berlaku apabila mereka mahu keluar untuk pergi ke suatu program bersama-sama. Sebelum keluar dari rumah, dia telah pun memaklumkan kepada rakannya itu bahawa pintu bilik mereka jangan dikunci. Namun, rakan mereka terlupa dengan pesanan itu dan mengunci bilik tersebut.



Setelah itu, rakannya berasa serba salah dan ingin bertindak untuk masuk ke bilik melalui tingkap. Oleh itu, mereka menghalang tindakan terburu-buru rakannya kerana membahayakan nyawa lalu mengambil keputusan untuk berjumpa SRK bertugas.

.. Mereka mendapatkan semula kunci mereka setelah setengah jam menunggu. “Saya berharap para pembaca D-zine janganlah bertindak terburu-buru sehingga boleh membahayakan nyawa dan menyusahkan ramai pihak. Jika terdapat masalah perlulah bertenang, berfikir secara rasional dan hubungi pihak atasan. Jangan bertindak sendiri!” tegasnya.

### KUNCI TERTINGGAL DI RUMAH



Kejadian ini berlaku ketika Nur Efi Afira, 21, bergegas dari rumah untuk membuat kad matrik pada hari Ahad yang lalu. Setelah selesai urusan kad matrik, dia ingin masuk ke rumah tetapi kuncinya tiada. Dia berasa gelisah akibat rakan sebilikinya juga tiada di rumah dan tidak mungkin baginya untuk berpatah balik ke rumah kerana jauh. Kemudian, dia menghantar pesanan Whatsapp kepada ketua rumah untuk mengetahui cara bagi mendapatkan kunci pendua. “Ketua rumah menyuruh saya untuk turun ke bawah blok untuk melihat papan kenyataan bagi mendapatkan nombor telefon SRK yang bertugas” ceritanya dengan penuh emosi. Kejadian itu berlaku agak lama kerana dia diminta untuk ke pejabat kolej. Tetapi, SRK yang bertugas memberikan kunci yang salah kepadanya. Kemudian Afira terpaksa berlari turun semula ke pejabat kolej untuk mendapatkan kunci yang betul. Terdapat kekeliruan kunci pendua untuk bilikinya. Dia terpaksa naik dan turun beberapa kali ke pejabat. Kali ketiga, pintu bilik masih belum dapat dibuka, Afira mula **berasa buntu dan mencampakkan kunci lalu mula menangis.** Afira juga sudah terfikir untuk masuk ke bilik melalui tingkap tetapi merasakan tindakan itu adalah sia-sia. Akhirnya, dia berjaya membuka pintu bilik bukan dengan menggunakan kunci tetapi menggunakan kad miliknya. Kebetulan pada waktu itu ada ‘housemate’ yang sudah pulang, mereka berasa kasihan dan membantunya menggunakan kad itu untuk buka pintu bilikinya hingga berjaya! Walau bagaimanapun, dia mengakui kesalahannya. “Saya berharap pihak pengurusan kolej sebaiknya dapat selaraskan kunci untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang kembali. Saya juga berharap para pelajar Kolej Dahlia dapat mengambil langkah proaktif untuk membuat ‘spare key’. Akhir sekali, kita usahlah membuat keputusan terburu-buru dan hadapi masalah dengan sabar.” ujarnya.

# Kongsi Resepi

Kiriman:  
Nur Akmarina  
Najiha binti Roslan

## AYAM MASAK TOMATO



### Bahan Kisar :

2 Ulas Bawang Besar  
3 Ulas Bawang Putih  
4 Batang Serai  
1 Inchi Kunyit Hidup  
1 Inchi Halia  
1 Inchi lengkuas  
6 Batang Cili Merah  
( Mengikut Kepedasan  
sendiri )

### Bahan Lain :

2 Biji Tomato ( Belah 4 )  
1/2 Tin Tomato Puri  
1/2 tin susu Cair  
4 sudu Kacang Pis

### Pilihan :

Ayam ( Di Goreng Terlebih  
Dahulu / Mentah )

### Langkah :

1. Tumis Bahan Kisar sehingga naik minyak .
2. Masuk kan 1/2 Tin Tomato Puri beserta Tomato ke dalam masakkan.
3. Kemudian , Masukkan 1/2 Tin susu cair dan kacau rata.
4. Biarkan Selama 2 minit .
5. Masukkan ayam ke dalam masakkan , gaul sehati
6. Akhir sekali , tutup api masakkan dan masukan 4 sudu Kacang Pis . Gaul Rata . Siap untuk Dihidangkan .



## Selera Membawa Padah

Sakit merupakan sesuatu yang tidak dapat di elakkan oleh setiap manusia dan tidak dapat di jangka bila ia mula menjangkiti tubuh badan kita. Namun begitu kita mampu mencegahnya dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat serta mencegah diri dari melakukan perkara perkara yang menjurus kita kearah mudah dijangkiti oleh kuman kuman yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia,

Menjaga kesihatan diri perlulah dititik beratkan lebih-lebih lagi buat mereka yang tinggal bersendirian dan jauh daripada keluarga. Waktu tidur yang tidak menentu serta turutan makan yang tidak teratur akan menambahkan risiko dijangkiti penyakit. Oleh itu, penjagaan diri dan kesihatan amatlah penting untuk diterapkan di dalam diri setiap pelajar.

Sikap sambil lewa pelajar mengenai kesihatan boleh meningkatkan risiko dijangkiti penyakit ketika berada di asrama . Hal ini boleh dikaitkan dengan pengalaman pahit seorang pelajar. Ikuti kisah belliau.

### *Kerana Scallops*

Keghairahan untuk merasai 'scallops', Nur Lea Suhana Binti Azmi, pelajar Fakulti Perhotelan dan Pelancongan terpaksa dikejarkan ke Hospital Sungai Buloh oleh Staf Residen Kolej Dahlia.

Kejadian tersebut menimbulkan rasa cemas apabila wajah dan kaki mangsa menjadi bengkak. Staf Residen Kolej iaitu Puan Fatimah segera membawa mangsa ke Hospital Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan susulan. Wartawan D-Magazine berkesempatan menemu bual mangsa untuk menceritakan lebih lanjut tentang kejadian yang berlaku.

*"Pada waktu siang saya makan scallop (kekapis). Saya memang ada alergik sea-food tetapi tidaklah semua jenis seafood yang saya makan akan kena alahan. Selepas saya makan scallop (kekapis) itu keadaan saya*



*masih baik. Pada waktu malam, saya mula berasa tidak sedap badan dan bercadang untuk membeli ubat pada keesokan harinya. Saya tidak berniat untuk laporkan masalah saya kepada Staf Residen Kolej yang bertugas. Tetapi keadaan saya makin serius jadi rakan sebilik minta bantuan Ketua Aras, Rakan Rawat dan Rakan Rawat memaklumkan masalah saya kepada Puan Fatimah."*

Mangsa dibawa ke Hospital Sungai Buloh sekitar jam 11 malam dan pulang semula ke Kolej Dahlia pada pukul 3.30 pagi. Keadaan mangsa dilaporkan stabil setelah menerima suntikan daripada pihak hospital. Di akhir temu bual, mangsa merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Fatimah yang bersusah payah menghantar mangsa ke Hospital Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan.

Akhir sekali, mangsa berpesan kepada pembaca D-Magazine untuk menjaga kesihatan dan sekiranya mempunyai alahan kepada sesetengah makanan, elakkan makan makanan yang boleh membuat anda terkena alahan.

## *Rakan Rawat*

Tindakan pantas Rakan Rawat memaklumkan kejadian mangsa alahan tersebut kepada Puan Fatimah mendapat pujian. Siti Nur Anis Binti Ismail (Rakan Rawat Dahlia 4) berkongsi cerita kepada D-Magazine tentang penubuhan rakan rawat dahlia.

Rakan Rawat baru sahaja ditubuhkan pada awal semester ini. Rakan Rawat mempunyai 14 orang ahli dan majoriti pelajar daripada Fakulti Sains Kesihatan. Kewujudan Rakan Rawat di Kolej Dahlia bertujuan membantu para pelajar yang mempunyai masalah kesihatan sama ada demam, cedera ringan dan lain-lain lagi. Skop tugas mereka bermula selepas 'office hour' dari pukul 5 petang sehingga 8 pagi keesokan harinya.

Rakan Rawat bertindak berdasarkan aduan yang mereka terima oleh pelajar. Sekiranya kes yang diterima agak rumit dan luar dari kemampuan mereka, kes tersebut akan diserahkan kepada penasihat Rakan Rawat iaitu Puan Fatimah untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, penubuhan Rakan Rawat ini sangat bermanfaat kerana dapat membantu Staf Residen Kolej (SRK) menguruskan permasalahan pelajar di Kolej Dahlia.

Contohnya, hanya seorang SRK yang bertugas dalam satu hari. Melalui kewujudan Rakan Rawat, mereka dapat mengendalikan kes kecil dalam kalangan pelajar. Tidak semua kes sakit perlu dibawa ke hospital. Ada sesetengah kes masih boleh dirawat di 'sick bay' oleh Rakan Rawat.

Akhir sekali, isu sakit dalam kalangan pelajar di Kolej Dahlia bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh! Para pelajar Kolej Dahlia dinasihatkan agar menjaga kesihatan diri lebih-lebih lagi sekiranya terlibat dalam sebarang acara sukan. Bersukan jangan sampai mencederakan diri. Jika anda sakit dan memerlukan bantuan ubat-ubatan pada waktu malam boleh laporkan kepada Rakan Rawat bertugas. Jangan bertindak sendirian jika anda tidak berupaya! Ingat ya!



# DIARI DAHLIA SEPTEMBER



Perjumpaan bersama ketua rumah dan pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Blok (JPB)

# DIARI DAHLIA OKTOBER



Kursus Pengurusan Organisasi



Zumba Fit Night

# DIARI DAHLIA NOVEMBER



Program 3R pada 4 November 2017



The Way to Jannah pada 6 November 2017

# PENCAPAIAN DAHLIA



Wakil Kumpulan Nasyid & Tilawah Kolej Dahlia berjaya mendapat Naib Johan Nasyid, naib johan tilawah & vokal utama terbaik nasyid sempena Karnival Kesenian Islam.

DIREKTORI PENTING  
TALIAN LUAR

HOSPITAL SUNGAI BULOH

- +603-61454333
- +603-61454222

HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH KLANG

- +603-33757000

BALAI POLIS KLANG UTARA

- +603-32912222
- +603-32902222

BALAI POLIS KAPAR

- 03-32508222

BALAI BOMBA & PENYELAMAT KLANG UTARA

- +603-33424444

**“Untuk kes-kes kecemasan yang berlaku selepas waktu pejabat, sila berhubung dengan Staf Residen Kolej (SRK) yang bertugas”**

**IKUTI KAMI :**



@jpkdahliapalam



@kolejdahliapalam

